

## Nilai Sivik, Batas Etnik dan Impak Tadbir Urus Kerajaan Terhadap Etos Bangsa di Sekolah Kebangsaan

### *(The Impact of Civic Values, Ethnic Boundaries and State Governance on National Ethos in Primary Schools)*

Amran bin Omar<sup>1</sup>, Shazlin Amir Hamzah<sup>2\*</sup>, Chang Peng Kee<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [P90503@siswa.ukm.edu.my](mailto:P90503@siswa.ukm.edu.my)

<sup>2</sup>Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [shazlin@ukm.edu.my](mailto:shazlin@ukm.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [chang@ukm.edu.my](mailto:chang@ukm.edu.my)

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Shazlin Amir Hamzah  
([shazlin@ukm.edu.my](mailto:shazlin@ukm.edu.my))

#### KATA KUNCI:

Nilai sivik  
Batas etnik  
Tadbir urus  
Kerajaan  
Etos bangsa

#### KEYWORDS:

Civic values  
Ethnic boundaries  
Administrative governance  
Government  
National ethos

#### CITATION:

Amran Omar, Shazlin Amir Hamzah & Chang, P. K. (2022). Nilai Sivik, Batas Etnik dan Impak Tadbir Urus Kerajaan Terhadap Etos Bangsa di Sekolah Kebangsaan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(6), e001559. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1559>

#### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melaksanakan penyelidikan empirikal mengenai pengaruh nilai sivik, batas etnik dan tadbir urus kerajaan terhadap pembinaan etos bangsa di sekolah-sekolah kebangsaan di Zon Utara Semenanjung Malaysia. Data kajian ini dikumpulkan dari soal-selidik ke atas 566 orang guru sekolah kebangsaan di negeri-negeri Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Data dianalisis menggunakan kaedah *Partial Least Squares Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) menggunakan perisian SmartPLS 3.3.3. Skala interval lima mata digunakan untuk mengukur item-item dalam setiap konstruk. Dapatan kajian ini menunjukkan, pertama sekali, nilai sivik mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap batas etnik ( $\beta=.286$ ;  $p=.00$ ). Kedua, nilai sivik mempunyai kesan positif terhadap tadbir urus kerajaan yang signifikan dan cukup besar ( $\beta=.409$ ;  $p=.000$ ). Ketiga, nilai sivik mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap etos bangsa ( $\beta=.304$ ;  $p=.000$ ). Keempat, batas etnik mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap etos bangsa ( $\beta=.156$ ;  $p=.000$ ). Akhirnya, tadbir urus kerajaan mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap etos bangsa ( $\beta=.442$ ;  $p=.000$ ). Hasil kajian ini dapat memberi implikasi praktikal bagi para guru untuk mengenali pengaruh nilai sivik, batas etnik dan tadbir urus kerajaan terhadap pembinaan etos bangsa di sekolah-sekolah kebangsaan di negeri-negeri Zon Utara Semenanjung Malaysia. Selain itu, berdasarkan nilai sivik, batas etnik dan tadbir urus kerajaan, mereka juga dapat meningkatkan inisiatif dalam pembinaan etos bangsa.

#### ABSTRACT

The aim of this study is to conduct empirical research on the effects of civic values, ethnic boundaries and

administrative governance by the authorities on the national ethos among teachers in primary schools within the Northern States of Peninsular Malaysia. Data was gathered from surveys done on 566 primary school teachers in Perak, Kedah, Perlis and Penang. This data was then analysed using the Partial Least Squared Structural Equation Modelling (PLS-SEM) with SmartPLS software 3.3.3. The five-point Likert scale was utilised to measure items within the constructs. Findings showed firstly that civic value has a significant positive effect on ethnic boundary ( $\beta=.286$ ;  $p=.00$ ). Secondly, civic value has a significant and relatively substantial effect on state governance ( $\beta= .409$ ;  $p=.000$ ). Thirdly, civic value has a significant positive effect on national ethos ( $\beta=.304$ ;  $p=.000$ ). Fourth, ethnic boundary has a significant positive impact on national ethos ( $\beta=.156$ ;  $p=.000$ ). Finally, state governance has a relatively substantial significant positive effect on national ethos ( $\beta=.442$ ;  $p=.000$ ). Results of this research may provide a practical guideline for teachers to ascertain the effects of civic values, ethnic boundaries and state governance on national ethos in primary schools within the Northern states of Peninsular Malaysia. In addition, they also are able develop their own national ethos as well based on the civic value, ethnic boundary and state governance.

**Sumbangan/Keaslian:** Sumbangan utama kajian ini mendapati bahawa penghayatan nilai sivik para guru mempunyai kesan langsung yang signifikan kepada pembinaan etos bangsa. Justeru, diharapkan kajian ini akan dapat membantu para guru untuk lebih memahami kepentingan nilai sivik dalam usaha membangunkan etos bangsa. Menerusi pendidikan, penyatuan masyarakat berbilang etnik di negara ini dapat diterjemahkan dengan berkesan.

## 1. Pengenalan

Kajian-kajian empirikal terdahulu menyatakan bahawa penghayatan nilai sivik memberi kesan yang signifikan terhadap tahap batas etnik, impak tadbir urus kerajaan dan pembinaan etos bangsa. Justeru, kajian ini dibina atas wacana pembinaan etos bangsa dari aspek kompetensi seperti pengetahuan dan kemahiran para guru di sekolah kebangsaan untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Ini merupakan teras utama yang diperlukan oleh setiap orang guru dalam usaha merealisasikan pembinaan etos bangsa, seterusnya merealisasikan negara bangsa iaitu negara yang mempunyai identiti dan penciptaan matlamat serta jati diri yang dikaitkan dengan semangat patriotisme dan nasionalisme. Etos merupakan produk dari budaya sekolah. 'Budaya' dilihat sebagai kategori analisis pilihan kerana kebolehcapaian yang lebih besar. 'Budaya' sekolah adalah sesuatu yang dialami dalam keadaan bersama (Solvason, 2005). Asas kepada pembinaan satu bangsa adalah perkongsian sejarah, nilai, perasaan kekitaan, berkongsi masa depan, kesetiaan, komitmen, dan keterikatan emosi negara (Mahathir, 1992). Oleh kerana golongan belia merupakan pencorak masa depan negara maka kejayaan membentuk etos nasional terhadap golongan ini menjadi tanda aras utama kejayaan pembangunan sesebuah negara (Mohd. Mahadee et al., 2021).

Menurut [Yong et. al. \(2018\)](#), guru merupakan agen sosialisasi yang menjadi sumber inspirasi utama kepada murid dalam mencapai kecemerlangan akademik. Para guru berperanan mencurahkan ilmu bagi membolehkan murid berfikir secara rasional, kritis dan kreatif. Para guru juga berperanan sebagai pembimbing dan penasihat di sepanjang proses pendidikan di sekolah. Kompetensi dan komitmen guru dari segi ilmu pengetahuan dan amalan adalah sangat penting dalam usaha mendidik dan mentransformasikan murid sebagai insan unggul, semestinya menjadikan guru itu sebagai orang yang paling berpengaruh dalam kehidupan seseorang murid. Guru berfungsi sebagai peneraju pembentukan integrasi nasional dan pembangunan negara secara adil dan saksama. Justeru, sekolah yang menempatkan murid-murid daripada pelbagai latar belakang etnik, diberikan kepercayaan untuk mewujudkan persekitaran kondusif bagi membentuk hubungan etnik dalam kalangan murid berbilang etnik. Oleh hal yang demikian, para guru perlu memupuk nilai-nilai sivik kepada murid-murid yang akan mewarisi masa hadapan negara ([Mariscal et al., 2014](#)).

[Suresh Kumar \(2017\)](#) menyatakan bahawa para guru bertanggungjawab menterjemahkan makna perpaduan dalam bentuk yang lebih praktikal bagi usaha menggarap minda para murid yang seterusnya dimanifestasikan melalui tingkah laku mereka. Oleh sebab itu, guru-guru hendaklah terlebih dahulu memiliki ilmu, mempunyai nilai sosial dan paradigma perpaduan dalam diri, dan seterusnya mampu menzahirkan teladan agar tingkah laku mereka dapat dicontohi melalui pembelajaran dan pemerhatian murid-murid.

Walau bagaimanapun, guru tidak dapat lari daripada pengaruh sentimen dan persepsi terhadap realiti tadbir urus kerajaan yang jelas bertentangan dengan sifat sebuah negara idaman (*nation of intent*) yang meletakkan perpaduan dan keadaan yang harmoni sebagai elemen utama ([Shamsul, 1996](#)). Tadbir urus kerajaan yang tidak baik, seperti amalan rasuah, salah guna kuasa, adalah merupakan faktor yang berpotensi mempengaruhi sikap guru dalam melaksanakan tanggungjawabnya dalam membentuk murid-murid yang bakal mengisi landskap negara yang diidamkan ([Khairul, 2014](#)).

Menurut [Mansor \(2012\)](#), sesuatu kajian berkaitan hubungan etnik, mestilah dimulakan dengan kajian tentang masyarakat, seterusnya membandingkan kategori sosial seperti bahasa, budaya, agama, etnik, wilayah dan norma sejangat. Ini adalah kerana identiti etnik yang dinamik dan batas kumpulan yang sentiasa berubah-ubah. Justeru, identiti nasional yang kukuh melalui penghayatan prinsip Rukun Negara adalah diperlukan untuk kejayaan dan masa depan negara. Setiap murid yang dihasilkan oleh sistem pendidikan kita akan berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama atau status sosioekonomi. Semangat patriotik perlu dipupuk dalam diri setiap murid dengan cara memahami sejarah negara, dan berkongsi aspirasi yang sama untuk masa depan negara. Demi mewujudkan identiti nasional atau etos bangsa yang sebenar, semangat keterangkuman yang teguh amat diperlukan. Identiti nasional akan dapat dicapai bukan hanya melalui belajar memahami dan menerima kepelbagaian, tetapi juga menghayati kepelbagaian ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b](#)).

Oleh hal yang demikian, peranan guru amat penting dalam merangsang interaksi dan memperkukuh hubungan persahabatan merentasi etnik dalam kalangan murid. Peranan guru tidak terhenti setakat mengajar atau mendedahkan murid dengan pelbagai aktiviti di persekitaran sekolah sahaja dalam usaha merangsang pembentukan interaksi merentas etnik. Malah, guru perlu memastikan usaha tersebut mencapai kejayaan yang menyeluruh. Aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang mengambil tempat di sekolah,

perlu diperkukuh lagi dengan perancangan, strategi dan tahap penglibatan guru bagi mencapai integrasi etnik di dalam atau luar bilik darjah melalui interaksi yang efektif dalam kalangan murid (Vellymalay, 2014). Perubahan asas konsep menyemai perpaduan ini harus dilihat daripada kefahaman awal kepada pemahaman realiti terkini, yang mana pendidikan merupakan salah satu daripada sembilan elemen defisit sosial (Mohd. Sobhi, 2021).

Walau bagaimanapun, kajian tentang kesan penghayatan nilai sivik, tahap batas etnik, impak tadbir urus kerajaan terhadap pembinaan etos bangsa telah dilakukan dalam pelbagai bidang lain, seperti dalam kalangan belia (Mohd. Mahadee et al., 2021), pelajar universiti awam (Mohd. Mahadee, 2015), anggota dan pegawai polis (Khairul, 2014), dan penduduk dalam skim Kawasan Rukun Tetangga (Beh et al., 2021). Maka, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji kesan penghayatan nilai sivik, tahap batas etnik, impak tadbir urus kerajaan terhadap pembinaan etos bangsa dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan di negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia.

## 2. Sorotan Literatur

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara nilai sivik, batas etnik, tadbir urus kerajaan terhadap etos bangsa.

### 2.1. Nilai Sivik

Pembinaan etos bangsa seharusnya menjadi agenda utama yang diperkukuhkan oleh nilai sivik, semangat patriotisme dan nasionalisme tanpa dipengaruhi batas etnik, agama, budaya dan wilayah kependudukan (Mohd. Mahadee, 2015; Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2018). Kajian empirikal menunjukkan bahawa seawal di bangku persekolahan, pembentukan etos bangsa perlu dibangunkan dengan identiti nasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a). Menerusi pendidikan, suntikan semangat patriotik dan perpaduan menjadi elemen terpenting dalam menjamin keharmonian dan kelangsungan negara bangsa ke arah penyatuan masyarakat berbilang etnik di negara ini. Nilai-nilai sivik perlu disampaikan secara tepat dan berkesan dengan mengambil kira sensitiviti masyarakat selari dengan pemahaman warga guru yang jelas berasaskan sumber dan fakta terhadap asas pembinaan negara bangsa bagi mengelakkan kekeliruan dan salah tanggapan.

Laporan Indeks Perpaduan Nasional menyatakan bahawa asas pembentukan negara bangsa idaman adalah agar seluruh rakyat dapat hidup stabil dan sejahtera pada tahap kesepaduan (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2018). Selaras dengan pendekatan 'Keluarga Malaysia' oleh kerajaan yang bersifat lebih inklusif, merentasi sempadan agama, bangsa dan etnik (Jabatan Perdana Menteri, 2021). Konsep negara bangsa yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (PIPP 2006-2010) telah menyatakan pembinaan negara bangsa amat penting bagi sesebuah negara yang berbilang etnik dan agama seperti Malaysia. Keupayaan membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian nilai serta semangat patriotisme yang wujud dalam diri setiap individu. Ia menjadi semakin penting, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi yang membenarkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja maklumat, modal insan, serta manusia, tetapi juga sistem nilai, budaya dan kepercayaan dari pelbagai negara (Kementerian Pendidikan Malaysia 2018b).

Justeru, nilai sivik yang diterapkan ke dalam semua mata pelajaran di sekolah, mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan negara, serta berbangga sebagai rakyat Malaysia. Semangat patriotisme yang dipupuk melalui mata pelajaran dan aktiviti kokurikulum adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai jati diri, cintakan bahasa dan bangsa, serta meningkatkan komitmen individu terhadap negara. Elemen yang merentas kurikulum ini adalah merupakan unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain daripada yang ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Penerapan elemen ini bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan sebagai mana yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan juga masa hadapan. Maka, semua guru perlu melaksanakan proses PdP dalam bilik darjah dengan merujuk kepada sukatan pelajaran yang terkandung dalam DSKP. Kebijaksanaan guru perlu ada bagi menentukan proses PdP dapat dilaksanakan secara berkesan dan bersesuaian ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017](#)).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013-2025) berhasrat untuk mencapai lima keberhasilan bagi sistem pendidikan Malaysia secara keseluruhan, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. Tindakan bagi merealisasikan lima aspirasi berkenaan adalah penting, dan tidak ada inisiatif dalam mana-mana aspek berkenaan yang boleh menjejaskan atau menghalang kemajuan yang lainnya. Dalam aspirasi perpaduan, sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian. Murid yang berusia antara tujuh hingga 17 tahun menghabiskan lebih satu perempat daripada masa mereka di sekolah. Melalui interaksi bersama murid-murid lain daripada pelbagai latar belakang, sosioekonomi, agama dan etnik, murid belajar untuk memahami, menerima dan menghayati perbezaan. Keadaan ini mewujudkan suatu perkongsian pengalaman dan aspirasi bagi membina masa hadapan Malaysia. KPM berhasrat untuk menjana suatu sistem pendidikan yang memberi peluang kepada murid berkongsi pengalaman dan aspirasi demi membentuk dan memperkukuhkan lagi asas perpaduan rakyat Malaysia. Ciri etnik dan budaya semua kaum dimasukkan ke dalam kurikulum dan bahan pengajaran yang digunakan di sekolah ([Kementerian Pendidikan Malaysia 2018a](#)).

Kajian empirikal juga, jelas menunjukkan bahawa nilai sivik mempunyai kesan langsung terhadap tahap batas etnik ([Brahm, 2006](#); [Janowitz, 1983](#); [Barone, 2002](#); [Mohd. Mahadee, 2015](#)), dan impak daripada tadbir urus kerajaan ([Shamsul, 2012](#); [Khairol, 2014](#)). Hasil kajian literatur juga menunjukkan bahawa pengaruh nilai sivik mempengaruhi pembinaan etos bangsa ([McLaughlin, 2005](#); [Solvason, 2005](#); [Mahathir, 1992](#); [Mohd. Mahadee et al., 2021](#)). Oleh itu, kajian ini mencadangkan hipotesis sebagaimana berikut:

H1: Terdapat kesan langsung yang signifikan antara penghayatan nilai sivik dan tahap batas etnik.

H2: Terdapat kesan langsung yang signifikan antara penghayatan nilai sivik dan impak tadbir urus kerajaan.

H3: Terdapat kesan langsung yang signifikan antara penghayatan nilai sivik dan pembinaan etos bangsa.

## 2.2. Batas Etnik

Malaysia merupakan sebuah negara yang diwarnai pola kepelbagaian yang kompleks sebagai komposisi penduduknya yang melebihi 70 kumpulan etnik dan budaya. Ia merupakan jumlah yang masih lagi belum dikira dengan kelompok yang mewakili sub etnik, kumpulan bahasa, dan dialek yang menjadikan jumlahnya melebihi 200 kumpulan. Negara masih lagi mampu mengekalkan iklim harmoni dalam menjalani kehidupan bermasyarakat serta pencapaian pembangunan yang begitu pesat. Ini membuktikan bahawa tadbir urus kerajaan yang cekap dalam mengolah serta mengekalkan perpaduan dalam kepelbagaian merupakan suatu perkara yang amat penting. Ini kerana, aspek tadbir urus dalam kepelbagaian ini membawa kepada kefahaman terhadap proses kesepaduan sosial dalam kehidupan bermasyarakat (Shamsul, 2012).

Ketamadunan Malaysia jelas memperlihatkan bahawa masyarakat majmuk yang wujud di negara kita ini yang telah ditransformasikan oleh penjajahan British menjadi masyarakat pelbagai etnik yang rencam keadaan sosialnya. Hubungan antara etnik merupakan ukuran kepada ciri sesebuah etnik kumpulan yang dipengaruhi faktor kedudukan sosial dan kepentingan kebendaan yang merangkumi batas-batas sempadan perbezaan aspek bahasa, budaya, agama, ikatan kekeluargaan serta cara hidup yang berbeza (Mansor, 2012).

Tahap ketebalan batas etnik merupakan faktor yang utama ke arah pembinaan etos bangsa. Menurut Banton (1991), apabila membicarakan tentang permasalahan ras dan etnik, kefahaman yang tepat tentang konsep hubungan ras dan etnik amatlah penting kerana dengan kefahaman yang jitu sahaja dapat mengelak daripada analisis yang bermasalah. Sebagai contoh, apabila perbezaan budaya secara biasanya menyerlahkan kelainannya dalam hubungan sosial antara anggota-anggota dari kumpulan-kumpulan yang berbeza, maka hubungan sosial tersebut mempunyai unsur-unsur etnisiti. Ini bermakna dua orang dari kumpulan ras dan etnik yang berbeza boleh membina perhubungan yang tidak bersifat perkauman apabila tingkah laku mereka tidak dimotivasikan oleh perkauman. Manakala, apabila dua orang daripada etnik yang berbeza berinteraksi, mereka juga boleh mewujudkan perhubungan berdasarkan peranan, contohnya antara lelaki dan wanita, dan juga antara majikan dan pekerja (Eriksen, 2002). Identiti sesuatu etnik bukan bersifat primordial yang diprogramkan dalam diri individu, tetapi sentiasa dibentuk melalui tindakan manusia itu sendiri apabila mereka memilih untuk menghubungkan diri mereka dengan orang lain. Fenomena ini bukan sahaja menunjukkan yang setiap individu dalam kumpulan etnik boleh terpengaruh atau dipengaruhi oleh individu daripada kumpulan etnik lain, malah suasana yang positif sememangnya berupaya dipupuk (Mansor, 2001; 2005). Maka, kajian ini mencadangkan hipotesis berikut:

H4: Terdapat kesan langsung yang signifikan antara tahap Batas Etnik dan pembinaan Etos Bangsa.

## 2.3. Tadbir Urus Kerajaan

Tadbir urus kerajaan juga turut merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi ke arah pembinaan etos bangsa (Khairul, 2014). Menurut Simonis (2004), sejak awal 1990-an lagi, masyarakat antarabangsa menganggap bahawa 'tadbir urus yang baik' adalah sesuatu asas yang penting untuk pembangunan mampan dan pengurangan kadar kemiskinan.

Tadbir urus yang baik muncul sebagai isu yang dominan, apabila agensi-agensi antarabangsa seperti Bank Dunia, United Nations Development Program (UNDP), Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD), Asian Development Bank (ADB), dan sebagainya mengklasifikasikannya sebagai pentadbiran yang mesra rakyat, prihatin warganegara dan responsif. Tanpa tadbir urus yang cekap, pembangunan negara yang sepatutnya boleh membawa peningkatan dalam kualiti kehidupan rakyat akan gagal. Sebaliknya, jika kerajaan tidak melaksanakan tadbir urus dengan baik, di mana berlakunya amalan rasuah dan salah guna kuasa yang berleluasa, maka sebahagian besar rakyat, terutama daripada golongan miskin akan menanggung derita. Justeru, amatlah penting untuk pihak kerajaan memantapkan tadbir urus yang merupakan prasyarat dalam usaha meningkatkan kualiti hidup seluruh rakyat. Banyak usaha atau inisiatif penting telah dilancar dan dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti tadbir urus, sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Dengan pengenalan inisiatif-inisiatif ini, ia jelas menunjukkan bahawa sistem politik sedia ada sangat bersedia untuk menyahut cabaran dan tuntutan tadbir urus yang semakin meningkat (Jindal, 2014). Menurut Banton dan Mansor (1992), dalam sesetengah keadaan, fungsi dan minat individu adalah berbeza dan ada kalanya perlu membuat pilihan berdasarkan kelas, etnik, atau agama setiap individu. Justeru, kajian ini turut mencadangkan hipotesis berikut:

H5: Terdapat kesan langsung yang signifikan antara impak Tadbir Urus Kerajaan dan pembinaan Etos Bangsa.


## 2.5. Etos Bangsa

Etos merupakan aktiviti dan tingkah laku manusia dalam sesebuah persekitaran/premis (terutama sistem sosial sesebuah organisasi). Interaksi sosial yang berlaku, kepada sesuatu yang dialami dan juga kepada norma-norma seharian (McLaughlin, 2005). Golongan belia merupakan pencorak masa depan negara. Kejayaan membentuk etos nasional terhadap golongan belia adalah tanda aras utama kejayaan pembangunan sesebuah negara (Mohd. Mahadee et al., 2021). Justeru, langkah awal mestilah dimulakan dengan menyemai nilai-nilai patriotisme dan nasionalisme ke arah membentuk perpaduan dalam kalangan murid-murid seawal di bangku sekolah rendah lagi. Murid-murid banyak menghabiskan masa mereka di sekolah. Melalui interaksi bersama murid lain daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik, murid didedahkan untuk memahami, menerima dan menghayati perbezaan.

Maka, para guru berperanan penting dalam merangsang interaksi dan memperkukuh hubungan persahabatan merentasi etnik dalam kalangan murid. Peranan guru tidak terhenti setakat mengajar atau mendedahkan murid dengan pelbagai aktiviti di persekitaran sekolah dalam usaha merangsang pembentukan interaksi yang merentasi etnik. Akan tetapi, guru perlu memastikan usaha tersebut mencapai kejayaan yang menyeluruh. Aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang mengambil tempat di sekolah perlu diperkukuhkan lagi dengan segala bentuk perancangan, strategi dan tahap penglibatan guru bagi mencapai integrasi etnik di dalam bilik darjah melalui interaksi yang efektif dalam kalangan murid (Vellymalay, 2014).

Berdasarkan objektif kajian, tinjauan literatur, dan pengembangan hipotesis, model kajian adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam [Rajah 1](#).

Rajah 1: Model kajian



### 3. Metod Kajian

#### 3.1. Pengukuran

Item dalam model pengukuran konstruk telah diubah dan diselaraskan agar sesuai dengan konteks analisis. Instrumen dengan skala interval lima mata digunakan untuk mengukur pemboleh ubah. Dalam borang soal selidik, item tersebut telah diselaraskan kepada 45 item bagi konstruk nilai sivik (Mohd. Mahadee, 2015), 12 item bagi konstruk batas etnik (Barth, 1990; Banton & Mansor, 1992), 27 item bagi konstruk tadbir urus kerajaan (Khairrol, 2014), dan 14 item bagi konstruk etos bangsa (Mohd. Mahadee, 2015).

#### 3.2. Sampel dan Pengumpulan Data

Sumber data diperoleh daripada soal selidik terhadap guru-guru di sekolah kebangsaan di negeri-negeri Zon Utara Semenanjung Malaysia. Sampel kajian dilakukan berdasarkan persampelan rawak mudah dengan kumpulan guru yang berlainan di 89 buah sekolah di negeri Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Tujuan kajian ini adalah untuk mencapai perwakilan responden yang terpilih. Soal selidik telah diedarkan secara talian melalui emel rasmi sekolah (@moe.gov.my). Terdapat 570 jawapan yang diterima sepanjang tempoh yang diberikan. Ciri demografi guru dijelaskan daripada jumlah 566 guru apabila terdapat empat soal selidik yang digugurkan kerana kegagalan responden untuk menjawab keseluruhan borang soal selidik tersebut dan memberikan jawapan yang tidak mempunyai varians. Terdapat 147 guru lelaki (26.0%), dan 419 guru perempuan (74.0%). Responden yang berumur 20 hingga 29 tahun adalah 7.2% (N=41), dari 30 hingga 39 tahun mewakili 31.3% (N=176), dari 40 hingga 49 tahun mewakili 40.1% (N=227), dan lebih dari 50 tahun mewakili 21.5% (N=122). Majoriti responden merupakan guru-guru yang berbangsa Melayu seramai 349 orang (61.7%), diikuti oleh kaum Cina seramai 111 orang (19.6%), kaum India seramai 93 orang (16.4%) dan kaum-kaum lain seramai 14 orang (2.4%). Guru-guru beragama Islam ialah seramai 351 orang (62.0%), Hindu seramai 90 orang (15.9%), Buddha seramai 87 orang (15.4%), Kristian seramai 28 orang (4.9%) dan agama-agama lain seramai 10 orang (1.9%).



### 3.3. Pendekatan Analitik

Analisis dimulakan dengan meneliti model kajian yang dicadangkan dengan menggunakan kaedah PLS-SEM. Pengujian model dan hipotesis kajian yang dicadangkan dilakukan melalui dua peringkat iaitu:

1. Pengujian model pengukuran
2. Pengujian model struktur

## 4. Hasil Kajian

### 4.1. Pengujian dan Pengukuran Model

Kebolehpercayaan dan kesahan konstruk ditunjukkan melalui hasil analisis model pengukuran konstruk (Amran et al, 2021). Jadual 1 menunjukkan bahawa empat konstruk: nilai sivik, batas etnik dan tadbir urus kerajaan, dan etos bangsa mencapai kebolehpercayaan ketekalan dalaman, *alpha Cronbach* ( $\alpha > .70$ ) dan kebolehpercayaan komposit (CR > .70). Muatan luar bagi semua item yang digunakan dalam kajian ini diperakui dan melebihi 0.70. Manakala, nilai *Average Variance Extracted*, AVE > .50. Oleh itu, konstruk nilai sivik, batas etnik, tadbir urus kerajaan, dan etos bangsa telah memenuhi kriteria dan diterima untuk mengukur konstruk kajian. Justeru, keempat-empat konstruk telah mencapai kesahan konvergen.

Jadual 1: Skala pengukuran konstruk

Konstruk	Indikator	Muatan Faktor	Alpha Cronbach	CR	AVE
Nilai Sivik (NS)	-	-	0.977	0.979	0.598
Kemahiran	-	-	0.950	0.956	0.592
Membuat Penilaian	KENS1	0.856	0.904	0.954	0.911
	KENS2	0.865			
Menyelesai Masalah	KENS3	0.901	0.766	0.895	0.810
	KENS4	0.899			
Membuat Keputusan	KENS5	0.899	0.769	0.896	0.812
	KENS6	0.904			
Bekerjasama	KENS7	0.873	0.707	0.872	0.773
	KENS8	0.886			
Penyertaan dalam Komuniti	KENS9	0.926	0.807	0.912	0.837
	KENS10	0.904			
Kepimpinan	KENS11	0.894	0.770	0.897	0.813
	KENS12	0.909			
Kesukarelawanan	KENS13	1.000	1.000	1.000	1.000

Pengaruh	KENH14	0.950	0.895	0.950	0.905
	KCNS15	0.952			
Kecenderungan	-	-	0.966	0.969	0.665
Pemikiran Kritis dan Terbuka	KCNS17	0.874	0.728	0.880	0.785
	KCNS18	0.899			
Persamaan Hak dan Kebebasan Asasi	KCNS16	0.884	0.722	0.878	0.782
	KCNS19	0.885			
Kehidupan Berkomuniti	KCNS20	0.921	0.837	0.925	0.860
	KCNS21	0.933			
Perkongsian Nilai	KCNS22	0.908	0.783	0.902	0.822
	KCNS23	0.905			
Kebersamaan	KCNS24	0.901	0.750	0.889	0.800
	KCNS25	0.888			
Ketabahan, Kegigihan dan Keberanian	KCNS26	0.895	0.745	0.887	0.797
	KCNS27	0.891			
Keprihatinan, Kejujuran dan Keikhlasan	KCNS28	0.922	0.824	0.919	0.850
	KCNS29	0.923			
Rundingan dan Toleransi	KCNS30	0.891	0.731	0.969	0.665
	KCNS31	0.885			
Batas Etnik (BE)	-	-	0.939	0.947	0.599
Material	BE4	0.824	0.827	0.897	0.744
	BE7	0.895			
	BE10	0.868			
Status Sosial	BE3	0.884	0.764	0.865	0.682
	BE5	0.828			
	BE6	0.761			
Tuntutan Sosial	BE1	0.852	0.828	0.897	0.744
	BE8	0.887			
	BE9	0.848			
Tuntutan Gantian	BE2	0.846	0.835	0.947	0.599
	BE11	0.854			
	BE12	0.900			

Tadbir Urus Kerajaan (TUK)	-	-	0.967	0.970	0.551
Ekonomi	TUK1	0.907	0.897	0.935	0.829
	TUK2	0.907			
	TUK3	0.917			
Pendidikan	TUK4	0.858	0.795	0.880	0.710
	TUK5	0.908			
	TUK6	0.755			
Agama dan Budaya	TUK7	0.761	0.788	0.875	0.700
	TUK8	0.892			
	TUK9	0.852			
Politik	TUK10	0.903	0.783	0.874	0.699
	TUK11	0.815			
	TUK12	0.786			
Jenayah dan Rasuah	TUK13	0.920	0.924	0.952	0.868
	TUK14	0.944			
	TUK15	0.931			
Perkhidmatan Awam	TUK16	0.810	0.843	0.905	0.761
	TUK17	0.893			
	TUK18	0.911			
Kemudahan Awam	TUK19	0.896	0.888	0.930	0.817
	TUK20	0.935			
	TUK21	0.879			
Kebebasan Media	TUK22	0.817	0.706	0.836	0.631
	TUK23	0.743			
	TUK24	0.820			
Prestasi Pemerintahan Kerajaan Semasa	TUK25	0.922	0.819	0.893	0.738
	TUK26	0.724			
	TUK27	0.917			
Etos Bangsa (EB)	-	-	0.953	0.959	0.627
Perkongsian Sejarah	EB1	0.889	0.701	0.870	0.769
	EB2	0.865			
Perkongsian Nilai	EB3	0.904	0.817	0.915	0.844

	EB4	0.933			
Perasaan Kekitaan	EB5	0.900	0.771	0.897	0.814
	EB6	0.904			
Perkongsian Masa Depan	EB7	0.897	0.766	0.895	0.811
	EB8	0.903			
Kesetiaan	EB9	0.943	0.878	0.943	0/89
	EB10	0.946			2
Komitmen	EB11	0.957	0.907	0.956	0.915
	EB12	0/957			
Keterikatan	EB13	0.900	0/760	0.893	0.807
	EB14	0.896			

#### 4.2. Pengujian Model Berstruktur

Seterusnya, kesahan diskriminan dinilai melalui kriteria Fornell-Lacker, seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 2](#). Kuadrat AVE nilai muatan luar bagi konstruk reflektif nilai sivik, batas etnik, tadbir urus kerajaan, dan etos bangsa adalah lebih besar daripada nilai muatan silang atau korelasi antara konstruk laten yang lain. Oleh itu, keempat-empat konstruk reflektif ini memenuhi kesahan diskriminasi.


Jadual 2: Kesahan diskriminan

Konstruk	Nilai Sivik	Batas Etnik	Tadbir Urus Kerajaan	Etos Bangsa
Nilai Sivik (NS)	0.773			
Batas Etnik (BE)	0.368	0.792		
Tadbir Urus Kerajaan (TUK)	0.286	0.529	0.773	
Etos Bangsa (EB)	0.283	0.611	0.409	0.742

#### 4.3. Ujian Model Fit

[Rajah 2](#) dan [Jadual 3](#) menjelaskan struktur bagi model struktur yang dicadangkan. Hasil ini menjelaskan bahawa nilai  $Chi-square=8896.368$  adalah signifikan pada tahap  $p<.05$ . Nilai SRMR (*standardized root mean square residual*) adalah ukuran bagi *model fit* yang sesuai pada nilai SRMR kurang dari 0.08. [Jadual 3](#) menunjukkan bahawa model tersebut mempunyai indeks SRMR=.047, yang lebih rendah dari 0.08. Oleh itu, model ini memenuhi keperluan *model fit*. Pengujian terhadap isu *multicollinearity* juga menunjukkan bahawa semua nilai VIF berada di bawah ambang 5.0. Oleh itu, model berstruktur ini bebas dari masalah *multicollinearity*.

Rajah 2: Model berstruktur

Jadual 3: Model *Fit*

	Model Tepu	Model Anggaran
SRMR	0.047	0.055
d-ULS	7.800	10.637
d-G	3.127	3.149
Chi-Square	8896.368	8904.697
NFI	0.795	0.795

#### 4.4. Pengujian Hipotesis

Jadual 4 menunjukkan hasil ujian hipotesis. Ujian *Bootstrapping* dengan 5000 hasil pengambilan sampel untuk hubungan antara konstruk dalam model menjelaskan bahawa nilai-t bagi hipotesis H1, H2, H3, H4, H5 lebih tinggi daripada 1.96, dan hipotesis ini adalah signifikan pada tahap  $p < .05$ . Oleh itu, kelima-lima hipotesis ini diterima.

Jadual 4: Dapatan ujian hipotesis

Laluan	Sampel Asal	Nilai-t	Nilai-p	Selang Keyakinan	Hipotesis	Dapatan
CV → EB	0.286	6.449	0.000	0.286	H <sub>1</sub>	Diterima
CV → GG	0.409	9.778	0.000	0.409	H <sub>2</sub>	Diterima
CV → NE	0.304	7.665	0.000	0.304	H <sub>3</sub>	Diterima
EB → NE	0.156	4.454	0.000	0.156	H <sub>4</sub>	Diterima
GG → NE	0.442	12.171	0.000	0.442	H <sub>5</sub>	Diterima

#### 4.5. $R^2$ (Varians Dijelaskan), $f^2$ (Ukuran Kesan) dan $Q^2$ (Relevansi Ramalan)

Matrik penilaian  $R^2$  (variens yang dijelaskan),  $f^2$  (ukuran kesan), dan  $Q^2$  (relevansi ramalan) adalah penting untuk model struktur.  $R^2$  menjelaskan ukuran kesan keseluruhan untuk model struktur. Nilai  $R^2$  dalam julat 0.00 hingga 0.19 adalah lemah, julat 0.20 hingga 0.33 adalah sederhana, dan 0.34 hingga 0.67 adalah besar. Manakala, ukuran kesan  $f^2$  dikemukakan sebagai sumbangan pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Nilai  $f^2$  dalam julat 0.00 hingga 0.02 adalah kecil, julat 0.03 hingga 0.15 adalah sederhana, dan julat 0.16 hingga 0.35 adalah tinggi. Nilai  $Q^2$  seharusnya lebih tinggi daripada sifar, dan digambarkan sebagai nilai perkaitan ramalan model struktur mengenai setiap konstruk endogen.

Dalam kajian ini, nilai  $R^2$  untuk keseluruhan model 0.488. Nilai ini menjelaskan 48.8% varians terhadap etos bangsa disumbangkan oleh nilai sivik, batas etnik dan tadbir urus kerajaan dan nilai ini dikelaskan sebagai kesan sederhana. Laporan tersebut menjelaskan bahawa tadbir urus kerajaan mempunyai pengaruh signifikan yang sederhana (0.444), diikuti oleh nilai sivik (0.304) dan batas etnik (0.156). Manakala, nilai sivik menjelaskan 16.8% varians pada tadbir urus kerajaan dan 8.2% dari varians pada batas etnik.

Jadual 5 juga menerangkan saiz kesan  $f^2$ . Nilai  $f^2$  0.042 (EB→NE) dan 0.089 (CV→EB) adalah kecil, 0.144 (CV→NE) dan 0.201 (CV→GG) adalah sederhana, manakala 0.307 adalah tinggi. Jadual 5 juga menunjukkan bahawa nilai  $Q^2$  dari etos bangsa (0.300), tadbir urus kerajaan (0.168) dan batas etnik (0.047) adalah melebihi sifar. Oleh itu, hasil ini memberikan sokongan yang jelas bagi relevansi ramalan model terhadap pemboleh ubah bersandar.

Jadual 5:  $R^2$  (variens yang dijelaskan),  $f^2$  (ukuran kesan) dan  $Q^2$  (relevansi ramalan)

Laluan	Path Coefficient ( $\beta$ )	$F^2$	Konstruk	$R^2$	$Q^2$
NS → BE	0.286	0.089	Batas Etnik	0.082	0.047
NS → TUK	0.409	0.201	Tadbir Urus Kerajaan	0.168	0.086
NS → EB	0.304	0.144	Etos Bangsa	0.488	0.300
BE → EB	0.156	0.042	Etos Bangsa		
TUK → EB	0.442	0.307	Etos Bangsa		

#### 5. Perbincangan Kajian

Kajian ini menguji pengaruh nilai sivik, tahap batas etnik dan impak tadbir urus kerajaan terhadap pembinaan etos bangsa di sekolah kebangsaan di negeri-negeri Zon Utara Semenanjung Malaysia, seperti yang dicadangkan dalam model kajian. Kajian dianalisis dan diuji dalam konteks yang berbeza berbanding dengan kajian-kajian sebelumnya. Sebilangan besar kajian terdahulu menumpukan kepada kesan ini untuk pelbagai bidang dan sampel populasi, manakala kajian ini menjelaskan kesannya dalam bidang pendidikan di Malaysia, khasnya di sekolah-sekolah kebangsaan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua lapan hipotesis adalah diterima. Hasil ini juga menjelaskan bahawa pengaruh nilai sivik mempunyai kesan positif terhadap

pembinaan etos bangsa, walaupun kesan nilai sivik pada pembinaan etos bangsa adalah sederhana, dan ukuran kesan hubungannya juga sederhana. Selain itu, tahap batas etnik juga memberi kesan positif kepada pembinaan etos bangsa secara sederhana dan ukuran kesan hubungannya juga sederhana. Selain itu, impak tadbir urus kerajaan juga turut mempunyai kesan positif terhadap pembinaan etos bangsa. Kesan impak tadbir urus kerajaan terhadap pembinaan etos bangsa adalah sederhana, manakala ukuran kesan hubungannya tinggi. Kesimpulannya, konstruk nilai sivik, batas etnik dan tadbir urus kerajaan adalah berfungsi sebagai pemboleh ubah penting ke arah pembinaan etos bangsa.

Hasil kajian ini turut disahkan oleh kajian empirikal sebelumnya. Hasil kajian ini juga menyatakan bahawa nilai sivik, tahap batas etnik dan impak tadbir urus kerajaan terhadap pembinaan etos bangsa. nilai sivik, tahap batas etnik dan impak tadbir urus kerajaan yang lebih baik, menurut para guru, akan lebih menjamin pemerkasaan pembinaan etos bangsa. Konsep empirikal yang sedia ada menyokong hasil ujian hipotesis kajian ini.

## 6. Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai sivik mempunyai kesan langsung yang signifikan kepada pembinaan etos bangsa. Hasil kajian ini akan dapat membantu para guru untuk lebih memahami kepentingan nilai sivik dalam membangunkan pembinaan etos bangsa. Oleh itu, mereka harus menumpukan perhatian kepada usaha membangunkan identiti nasional yang menjadi teras kepada sesebuah etos bangsa. Menerusi pendidikan, penyatuan masyarakat berbilang etnik di negara ini dapat diterjemahkan. Nilai-nilai sivik perlu disampaikan secara tepat dan berkesan dengan mengambil kira sensitiviti masyarakat dengan pemahaman warga guru yang jelas berasaskan sumber dan fakta terhadap asas pembinaan negara bangsa bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan ketegangan.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa nilai sivik mempunyai peranan penting dalam menipiskan tahap batas etnik dalam kalangan para guru itu terlebih dahulu. Selain itu juga, nilai sivik mempunyai peramal yang mempengaruhi oleh impak tadbir urus kerajaan. Justeru, para guru diharapkan dapat meniup semangat patriotisme yang dipupuk melalui mata pelajaran yang diajar dan juga aktiviti kokurikulum yang disertai oleh murid-murid bagi tujuan melahirkan generasi Malaysia yang mempunyai jati diri, cintakan bangsa, serta meningkatkan komitmen masing-masing kepada negara. Usaha ini diharapkan dapat membantu untuk para guru meningkatkan hubungan, seterusnya menipiskan tahap batas etnik antara sesama mereka dan seterusnya dapat menerima dengan lebih rasional setiap aspek tadbir urus kerajaan.

Hasil kajian ini juga menyatakan bahawa tahap batas etnik merupakan faktor penting dalam membina etos bangsa. Selain itu, tadbir urus yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan mempunyai ramalan yang sangat signifikan dalam mempengaruhi pembinaan etos bangsa. Oleh hal yang demikian, para guru harus menyemai elemen untuk mewujudkan identiti nasional atau etos bangsa yang sebenar, semangat keterangkuman yang teguh dan belajar untuk tidak sahaja memahami dan menerima kepelbagaian, malah untuk lebih menghayati kepelbagaian yang wujud dalam negara kita. Perkara-perkara tersebut harus terus dipertingkatkan demi menipiskan tahap batas etnik dan lebih menerima aspirasi serta tadbir urus kerajaan secara berkesan dalam mewujudkan

etos bangsa, ke arah merealisasikan impian kerajaan untuk menjadi sebuah negara bangsa.

Kajian ini mempunyai beberapa batasan, walaupun secara signifikannya ia menyumbang kepada literatur. Pertama, penyelidikan ini meneliti persepsi guru di beberapa sekolah kebangsaan di negeri-negeri Zon Utara Semenanjung Malaysia, yang belum mewakili keseluruhan sekolah kebangsaan yang lain di daerah-daerah tersebut. Kedua, penyelidikan ini hanya menganalisis pengaruh nilai sivik, tahap batas etnik dan impak tadbir urus kerajaan terhadap pembinaan etos bangsa di sekolah kebangsaan, yang belum mewakili sekolah lain di Malaysia. Oleh itu, batasan-batasan ini dapat memberikan beberapa petunjuk untuk kajian-kajian yang bakal dilaksanakan pada masa hadapan.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Terima kasih kepada responden yang terdiri daripada guru-guru di sekolah kebangsaan di negeri-negeri Zon Utara Semenanjung Malaysia iaitu dari 89 buah sekolah di negeri Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang yang telah memberi kerjasama bagi menjayakan kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan dari mana-mana pihak.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)**

Pasukan penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam usaha menghasilkan penerbitan ini.

### **Rujukan**

- Amran Omar, Shazlin A. Hamzah & Chang P. K. (2021) Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen batas etnik di sekolah kebangsaan Zon Utara Semenanjung Malaysia. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(3), 253-269.
- Banton, M. (1991). The race relations problematic. *British Journal of Sociology*, 42(1), 115-130.
- Banton, M. & Mansor Mohd. Noor. (1992). The study of ethnic alignment: a new technique and an application in Malaysia. *Ethnic and Racial Studies*, 15(4), 599-613.
- Barone, T. N. (2002, Apr. 1-5). *Civic education and citizenship in Malaysia education*. [Paper presentation] The American Educational Research Association Conference, New Orleans, LA, United States.
- Barth, F. (1990). *The guru and the conjurer: Transactions in knowledge and the shaping of culture in Southeast Asia and Melanesia*, 25(4), 640-653.
- Beh, S. H., Pue, G. H., Ishak, M. S., & Noor, M. M. (2021). Kesepaduan Nasional Penduduk Kawasan Rukun Tetangga di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 40-53.



- Brahm, E. (2006). Civic education. In Guy Burgess, G. & Burgess, H. (Eds.). *Beyond Intractability. Conflict Research Consortium*, University of Colorado. [http://www.beyondintractability.org/essay/civic\\_education/](http://www.beyondintractability.org/essay/civic_education/)
- Eriksen, T. H. (2002). *Ethnicity and nationalism: Anthropological perspectives*. Pluto press.
- Jindal, N. (2014). Good governance: Needs and challenges. *International Journal of Scientific & Engineering Research*, 5(5), 113-116.
- Jabatan Perdana Menteri. (2021, September 30). *Kenyataan Media YAB Perdana Menteri Aspirasi Keluarga Malaysia: 100 Hari Pertama Ahli Jemaah Menteri*. [Press release]. <https://www.pmo.gov.my/2021/09/kenyataan-media-berkenaan-aspirasi-keluarga-malaysia-100-hari-pertama-jemaah-menteri/>
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. (2018). *Laporan akhir indeks perpaduan nasional (IPNas 2018)*. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Janowitz, M. (1983). *The reconstruction of patriotism: Education for civic consciousness*. University of Chicago Press
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018a). *Laporan Tahunan 2017: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU), Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018b). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2018: Garis Panduan Pelaksanaan Harian Bagi Perpaduan di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM.100-1/7/2/ Jld. 6(10)).
- Khairol, A. K. (2014). *Impak etnisiti, tadbir urus dan etika kerja terhadap kesepaduan sosial Polis Diraja Malaysia (PDRM)* [Tesis yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mariscal, D. C., Corredor, G. A. & Cabezas, M. F. (2014). Future Teachers' Attitudes Towards Cultural Diversity, Minorities and Gender Violence. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 132(2014), 497-503.
- McLaughlin, T. (2005). The educative importance of ethos. *British Journal of Educational Studies*, 53(3), 306-325.
- Mahathir, M. (1992, January 31). Bangsa Malaysia yang bersepadu menjelang tahun 2020. [Teks ucapan] Majlis Makan Malam Kelab Harvard Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mansor Mohd. Noor. (2001). Cohesion and Consensus: The Prevalence of Ethnic Harmony in a University Campus. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 17(2000/2001), 91-111.
- Mansor Mohd. Noor. (2005). Integrasi Etnik di Institusi Awam [Monograph]. *Institut Penyelidikan Penyelidikan Tinggi Negara*. Universiti Sains Malaysia. Monograf 6/2005.
- Mansor Mohd. Noor. (2012). *Kerencaman Sosial dan Penipisan Batas Etnik: Kepelbagaian Etnik dan Perkongsian Hidup Bersama di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Mahadee, I. (2015). *Sosialisasi politik, etos nasional dan negara-bangsa: kajian pendidikan sivik dan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dalam kalangan mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM)* [Tesis yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Mahadee, I., Nor Azili, H., Azlina, A., Zaini, O., Marzudi, M. Y., & Hairol Anuar, M. D. (2021). Pembentukan Etos Nasional Belia Malaysia: Wadah Pembinaan Negara-

- Bangsa (National Ethos Formation of Malaysian Youth: Medium for Building a Nation State). *Akademika*, 91(1), 3-14.
- Mohd. Sobhi, I. (2021, Jan 29). Kajian defisit sosial di Malaysia. [Paper presentation] Wawasan Kemakmuran Bersama: Mengurus Defisit Sosial di Malaysia, Kuala Lumpur. *Institut Masa*. <https://institutmasa.com/pemacu-wacana-wawasan-kemakmuran-bersama-defisit-sosial-di-malaysia/>
- Shamsul, A. B. (1996). Nations-of-intent in Malaysia. In Tonnesson, S. & Antlov, H. (Eds.) *Asian Forms of the Nation* (pp. 323-347). Curzon Press.
- Shamsul, A. B. (Ed.). (2012). *Modul hubungan etnik* (2nd ed.). Institut Kajian Etnik.
- Simonis, Udo E. (2004) Defining good governance: The conceptual competition is on, WZB Discussion Paper, No. P 2004-005, Wissenschaftszentrum Berlin für Sozialforschung (WZB), Berlin.
- Solvason, C. (2005). Investigating specialist school ethos... or do you mean culture?. *Educational Studies*, 31(1), 85-94.
- Suresh Kumar, N. V. (2017). *Hubungan Etnik di Sekolah: Mempertingkatkan Kesepaduan Dalam Kepelbagaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vellymalay, S. K. N. (2014). Etnisiti interaksi sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik di bilik darjah (ethnicity-based social interaction amongst multi-ethnic students in a classroom). *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 7(2), 47-62.
- Yong, H. H., Ku Hasnita Ku Samsu, Zatul Himmah Adnan, Mohd Daud Awang & Adlina Ab Halim. (2018). Peranan Guru Sebagai Agen Sosialisasi dalam Membentuk Perpaduan Kaum di Sekolah. *Akademika*, 88(2), Julai 2018:95-108